

Headline	Hab perabot RM1.3b lonjak ekonomi Lanchang		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Timur)		
Date	14 Feb 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	17,000
Page No	27	Readership	51,000
Language	Malay	ArticleSize	199 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,695
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,086



# Hab perabot RM1.3b lonjak ekonomi Lanchang

**TEMERLOH 13 Feb.** - Pembangunan di daerah ini khususnya di Lanchang dilonjakan dengan kewujudan hab perabot nasional yang akan dibina di Kampung Sempadan dalam tempoh terdekat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lanchang, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsuddin berkata, hab perabot yang akan dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melibatkan kos pembangunan awal kira-kira RM1.3 bilion.

"FRIM mengenal pasti kawasan di Kampung Sempadan di Lanchang yang akan dibangunkan menjadi hab perabot nasional.

"Pembangunan hab perabot yang meliputi pembinaan Kampung Perabot ini dapat melonjakkan ekonomi penduduk sekitar yang mana kita menjangkakan mewujudkan sehingga 10,000 peluang pekerjaan baharu," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis penyerahan rumah program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Kampung Teris, Lanchang semalam.

Yang hadir sama Ketua

Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim dan Pengarah JBPM negeri, Datuk Abdul Wahab Mat Yassin.

Menurut Mohd. Sharkar, selain mengeluarkan perabot berkualiti, hab berkenaan bakal menjadi pusat kawalan kualiti perabot negara khususnya untuk pasaran luar negara.

Justeru katanya, pembangunan kawasan berkenaan bukan sahaja membuka banyak peluang pekerjaan tetapi peluang perniagaan kepada penduduk sekitar.

"Saya berharap penduduk di sekitar Lanchang dapat merebut peluang ini dan saya meminta mereka tidak menjual tanah masing-masing yang mana nilainya terus meningkat dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya memandang serius permintaan masyarakat setempat untuk menaik taraf Jambatan Temerloh yang dilihat sering berhadapan dengan kesesakan pada masa ini.

Beliau berkata, perkara itu yang telah mendapat perhatian Unit Perancang Ekonomi dijadikan sebagai manifesto Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.